

USIM lancar Komuniti Kepolisan



Osman Salleh (kiri) menerima cenderamata daripada Dr. Abdul Shukor Husin.

PUSAT Kokurikulum Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini menganjurkan dialog *Community Policing* (Komuniti Kepolisan).

Ia mendapat kerjasama Balai Polis Nilai, Negeri Sembilan, warga USIM dan masyarakat setempat.

Dialog ini adalah rentetan daripada dialog pertama yang telah diadakan pada hujung tahun lalu di Balai Polis Nilai.

Dialog ini diketuai oleh Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Osman Salleh dan Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Saiful Azly Kamaruddin.

Hadir sama ialah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin.

Hampir 60 tetamu yang terdiri dari Kolej Antarabangsa Nilai, Kolej Inti, Kolej Kejururawatan Murni dan

Persatuan Penduduk Setempat menghadiri dialog tersebut.

Salah satu konsep Komuniti Kepolisan adalah setiap masyarakat perlu mengenali antara satu sama lain dan mengamalkan sikap bekerjasama dengan penduduk setempat.

Program ini bertujuan mendekatkan USIM dengan komuniti melalui dialog di samping memberi peluang berinteraksi secara terus dengan Ketua Polis Daerah Seremban dalam usaha menangani isu jenayah, kadar kemalangan dan lain-lain yang berkaitan dengan masalah masyarakat setempat.

Pelbagai persoalan dan cadangan dikemukakan oleh penduduk setempat berkenaan isu jenayah dan masalah masyarakat setempat.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Nilai, Nurliza Haslim Muslim berkata, dialog

sebegini perlu sentiasa diadakan untuk menjalin rangkaian antara persatuan penduduk dan polis.

Katanya, melaluinya juga masyarakat mendapat maklum balas terus daripada pihak berkuasa berkenaan masalah setempat.

“Sehubungan itu, saya mencadangkan agar wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah-sekolah berdekatan turut dijemput ke majlis dialog seperti ini pada masa akan datang,” katanya.

Sementara itu, wakil Persatuan Penduduk Nilai Perdana yang hanya mahu dikenali sebagai, Abdul Karim berharap Komuniti Kepolisan ini dipraktikkan dalam masyarakat di seluruh negara.

“Ini kerana melaluinya, maklumat berkaitan jenayah atau sebagainya dapat disalurkan secara terus kepada masyarakat,” jelas beliau.